

LATIHAN OBJEKTIF TINGKATAN 5 BAB 7.1 ,7.2,7.3

1. Apakah takrif integrasi nasional dalam proses pembangunan negara?
 - A. Perpaduan rakyat yang erat
 - B. Ketelusan dalam kepimpinan
 - C. Pembebasan tanah air daripada penjajah
 - D. Hubungan masyarakat antara negeri dengan wilayah

2. Bagaimanakah penjajahan British membawa kesan kepada perkembangan masyarakat negara kita yang berbilang kaum?
 - A. Tidak patriotik
 - B. Mementingkan diri
 - C. Kurang berinteraksi
 - D. Menolak usaha integrasi nasional

3. Senarai berikut berkaitan dengan usaha kerajaan selepas merdeka.
 - Jabatan Perpaduan Negara
 - Majlis Muhibah Negara
 - Majlis Perundangan Negara

Apakah persamaan matlamat penubuhan jabatan dan majlis tersebut?

 - A. Memupuk perpaduan rakyat
 - B. Menjamin kemakmuran negara
 - C. Melicinkan sistem pentadbiran
 - D. Mengukuhkan sistem perundangan

4. Apakah faktor kerenggan hubungan kaum semasa pentadbiran British di negara kita?
 - A. Pembukaan bandar
 - B. Pembinaan jalan raya
 - C. Pengenalan mata wang
 - D. Pemisahan penempatan

5. Gambar berikut menunjukkan perkhidmatan Feri Malaysia



Apakah matlamat pengenalan perkhidmatan tersebut?

- A. Mengintegrasikan penduduk
- B. Memajukan sektor perkapalan
- C. Mewujudkan peluang pekerjaan
- D. Menggalakan pengangkutan air

6. Apakah kesan sistem pendidikan vernakular semasa pentadbiran British?

- A. Meningkatkan taraf hidup peribumi
- B. Melahirkan masyarakat berkemahiran
- C. Menyatukan penduduk berbilang kaum
- D. Mewujudkan perbezaan pemikiran antara kaum

7. Bagaimanakah usaha kerajaan memperkasakan perpaduan kaum?

- I. Menubuhkan Jabatan Perpaduan Negara
 - II. Membentuk Dasar Sosioekonomi Kebangsaan
 - III. Meneruskan sistem persekolahan vernakular
 - IV. Mewartakan pembentukan Majlis Muhibah Negara
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV

8. Apakah yang boleh dikatikan dengan kawasan berikut?

- Pasir Gudang di Johor
- Bayan Lepas di Pulau Pinang

- A. Zon Bebas cukai
- B. Zon Ekonomi Eksklusif
- C. Zon Perindustrian Bebas
- D. Industri Kecil dan Sederhana

9. Kerajaan telah memperkasakan perpaduan kaum dan integrase nasional dalam membentuk masyarakat sejahtera?

Mengapa usaha tersebut dilaksanakan?

- A. Melicinkan pentadbiran
- B. Memajukan taraf hidup
- C. Membentuk indentiti bangsa
- D. Meningkatkan ekonomi negara

10. Maklumat berkaitan kegiatan ekonomi dan petempatan semasa pentadbiran British.

Kaum	Ekonomi dan Petempatan
Melayu	Petani/Luar Bandar
Cina	Perlombongan/Bandar
India	Perladangan/Estet

Apakah kesannya terhadap negara dan bangsa Malaysia selepas merdeka?

- A. Kerenggaran hubungan
- B. Keseimbangan penduduk
- C. Kepesatan ekonomi
- D. Kecekapan pengurusan

11. Kerjasama politik pelbagai kaum sudah bermula sebelum merdeka. Apakah parti politik pelbagai kaum yang ditubuhkan sebelum merdeka?

- A. Parti MIC
- B. Parti MCA
- C. Parti UMNO
- D. Parti Perikatan

12. Majlis ini ditubuhkan dengan matlamat untuk mengadakan garis panduan bagi kerjasama kaum. Apakah majlis tersebut?

- A. Majlis Gerakan Negara
- B. Majlis Muhibah negara
- C. Majlis Perpaduan Negara
- D. Majlis Perundingan Negara

13. Berikut adalah pelbagai Laporan Pendidikan yang dihasilkan oleh kerajaan.

1956	Penyata Razak
1960	Laporan Rahman Talib
1979	Laporan Kabinet

Apakah persamaan ketiga-tiga laporan tersebut?

- A. Membuka peluang pendidikan
- B. Membina perpaduan kaum
- C. Memansuhkan sekolah nernakular
- D. Mempertingkatkan kemahiran berfikir

14. Apakah langkah yang dicadangkan oleh Laporan Rahman Talib untuk memupuk semangat perpaduan dan integrasi nasional?

- I Persamaan kurikulum
- II Penggunaan Bahasa Melayu
- III Mewajibkan kokurikulum
- IV Mengutamakan kerohanian

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

15. Apakah kesan penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia(UKM) pada tahun 1970?

- A. Meningkatkan kajian ilmiah peringkat kebangsaan
- B. Memperkasakan Bahasa Melayu sebagai Bahasa ilmu
- C. Membentuk Falsafah Pendidikan Kebangsaan
- D. Memupuk semangat cinta akan negara

16. Apakah dasar pendidikan kebangsaan yang dikaitkan dengan senarai berikut?

X	
• Kurikulum	yang sama
• Mewajibkan mata pelajaran	Tatarakyat

- A. Penyata Razak
- B. Laporan Rahman Talib
- C. Kajian Aminuddin Baki
- D. Laporan Jawatankuasa Kabinet 1979

17. Pernyataan berikut adalah penambahbaikan Laporan Rahman Talib.

*Memperkenalkan sistem persekolah
aneka jurusan untuk menampung
pelajar yang gagal memasuki sekolah
menengah akademik*

Siapakah pihak yang mencadangkan penambahbaikan tersebut?

- A. Penyata Razak
- B. Kajian Aminuddin Baki
- C. Laporan Jawatankuasa Kabinet
- D. Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956

18. Apakah mata pelajaran yang diperkenalkan dalam Laporan Rahman Talib untuk memperkukuh semangat kekitaan?

- I Sejarah
- II Tatarakyat
- III Bahasa Inggeris
- IV Pendidikan Islam

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

19. Jawatankuasa Kabinet 1974 telah mengkaji semula pelaksanaan sistem pelajaran kebangsaan. Apakah kesan Laporan Jawatankuasa tersebut?

- A. Pembentukan kurikulum baharu
- B. Penubuhan Jemaah nazir sekolah
- C. Pengenalan KBSR dan KBSM
- D. Penekanan kepada subjek sejarah

20. Antara berikut, yang manakah berkaitan dengan Kajian Aminuddin Baki tentang sistem pendidikan kebangsaan.

- A. Kokurikulum
- B. KBSR dan KBSM
- C. Sekolah vokasional
- D. Pengajaran Bahasa Melayu

21. Apakah matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan 1996?

- I Pendidikan menyeluruh
- II Membentuk pelajar yang seimbang
- III Kurikulum berorientasikan negara kita
- IV Keseimbangan agihan peluang pekerjaan

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

22. Bagaimanakah pelaksanaan Akta Bahasa Kebangsaan 1967 dapat mendaulatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

- A. Menjadi lingua franca
- B. Menjadi bahasa rasmi
- C. Menjadi pusat tamadun bangsa
- D. Menjadi bahasa penghantar di semua sekolah

23. Mengapakah institusi berikut ditubuhkan oleh kerajaan?

- Dewan Bahasa dan Pustaka
- University Kebangsaan Malaysia

- A. Memupuk perpaduan kaum
- B. Melahirkan tenaga kerja mahir
- C. Menggalakkan kemasukan pelajar asing
- D. Memperkasa kedudukan Bahasa Melayu

24. Apakah kesan penubuhan ATMA dan UKM?

- A. Peranan UKM merosot
- B. UKM mendapat pengiktirafan dunia
- C. UKM menjadi pusat penyelidikan dan rujukan
- D. UKM mengembangkan bahasa melayu melalui penerbitan

25. Apakah peranan Institut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (IBKKM).

- A. Pusat penerbitan
- B. Pusat penyelidikan
- C. Pusat pengumpulan
- D. Pusat penterjemahan

26. Senarai berikut berkaitan penubuhan sekolah menengah di negara kita.

- Sekolah Alam Shah
- Sekolah Seri Puteri

Apakah persamaan sekolah menengah tersebut?

- A. Bahasa Melayu sebagai Bahasa penghantar
- B. Menitikberatkan pendidikan kokurikulum
- C. Melahirkan golongan sasterawan dan karyawan
- D. Menawarkan sistem persekolahan aneka jurusan

27. Bagaimanakah kerajaan menjadikan bahasa melayu sebagai bahasa rasmi pentadbiran negara?

- A. Pelancaran Minggu Bahasa
- B. Penggunaan urusan mahkamah
- C. Penubuhan sekolah menengah
- D. Mengembangkan aktiviti bahasa

28. Apakah mesej yang ingin disampaikan melalui slogan "Bahasa Jiwa Bangsa"?

- A. Bahasa alat komunikasi
- B. Bahasa Melayu bahasa rasmi
- C. Masyarakat hidup kerana bahasa
- D. Masyarakat bersatu melalui Bahasa

29. Berikut adalah lambang Dewan Bahasa dan Pustaka(DBP).



Apakah aktiviti DBP untuk memartabatkan bahasa melayu?

- I Menganjurkan aktiviti kebudayaan
- II Menerbitkan buku dan majalah
- III Menganjurkan bengkel dan seminar
- IV Menggubal undang-undang Bahasa

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV